

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

HMT 501 – Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu Lanjutan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas soalan ini mengandungi EMPAT bahagian. **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.**

Bahagian A

Soalan WAJIB dijawab.

1. Jawab [a], [b] DAN [c].

Dengan menggunakan gambarajah yang sesuai, huraikan penghasilan bunyi-bunyi konsonan bahasa Malaysia berikut:

- | | | |
|-----|--|-------------|
| [a] | Letupan bersuara /g/ dan tak bersuara /p/ | [10 markah] |
| [b] | Frikatif bersuara /h/ dan tak bersuara /s/ | [10 markah] |
| [c] | Sengauan bersuara /m/ | [5 markah] |

Bahagian B

Jawab Soalan 2 ATAU Soalan 3.

2. Jawab [a], [b] DAN [c].

[a] Dengan bantuan gambarajah dan contoh-contoh yang sesuai, huraikan perkara [i] dan [ii] dengan mengaitkannya dengan penghasilan bunyi-bunyi bahasa.

- | | | |
|------|-------------------|-------------|
| [i] | Pita suara | [5 markah] |
| [ii] | Daerah artikulasi | [10 markah] |

[b] Transkripsikan secara sempit teks di bawah ke dialek Johor Riau.

Berdasarkan analisis syarat kesesuaian dalam teori lakuan pertuturan, dapat ditunjukkan bahawa ayat tanya atau pertanyaan tidak sahaja mendukung makna pertanyaan, tetapi juga membawa maksud permintaan maklumat dan pelawaan. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam konteks perbualan sebenar antara penutur dengan pendengar dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu. Maksud penutur dan pendengar harus diambil kira dalam penentuan maksud sebenar suatu bentuk bahasa kerana bahasa yang realistik ialah bahasa yang digunakan oleh penutur dan pendengar dalam komunikasi sehari-hari.

Sumber: *Jurnal Dewan Bahasa, Disember 2000; hal 1328*

[10 markah]

...3/-

3. Jawab [a], [b] DAN [c].
- [a] Kelantangan merupakan salah satu daripada ciri fizikal fonetik akustik. Dengan berbantuan gambarajah jelaskan ciri kelantangan tersebut. [13 markah]
- [b] Dengan menggunakan gambarajah dan contoh-contoh yang sesuai, jelaskan maksud:
- [i] bunyi periodik dan bunyi aperiodik [6 markah]
- [ii] frekuensi dan amplitut [6 markah]

Bahagian C

Soalan WAJIB dijawab.

4. Jawab [a] DAN [b].
Perhatikan data dialek Johor Riau (DJR) dan dialek Patani Gerik (DPG) di bawah.

DATA 1			
	DJR	DPG	
[i]	ma□lam	ma□l□□	'malam'
[ii]	mi□nu□m	mi□nu□□	'minum'

- [a] Berdasarkan Data 1 nyatakan ketertiban rumus yang berlaku dalam dialek Patani Gerik (DPG). [5 markah]
- [b] Berdasarkan teori autosegmental dan modul representasi fonologi Sagey (1986), bandingkan proses-proses fonologi DJR dengan DPG. [20 markah]

Bahagian D

Jawab Soalan 5 ATAU Soalan 6.

5. Jawab [a] DAN [b].
Perhatikan data dialek Johor Riau (DJR) dan dialek Patani Gerik (DPG) di bawah dan jawab soalan [a] DAN [b]:

DATA 2				
DJR		DPG		
[i] /mʊ + beri/	mʊmburi	/ɔ + buɔi/	bbuɔi	'memberi'
[ii] /mʊ + pukul/	mʊmuɔkol	/ɔ + pukul/	mmuɔko	'memukul'

- [a] Berdasarkan Data 2 nyatakan ketertiban rumus yang anda kenal pasti berlaku dalam DJR dan DPG.
[8 markah]
- [b] Berdasarkan teori autosegmental dan modul representasi fonologi yang anda tahu, huraikan proses asimilasi yang terdapat dalam DJR dan DPG.
[17 markah]
6. Perhatikan perkataan-perkataan bahasa Malaysia dan bentuk-bentuk fonetiknya dalam Data 3. Jawab soalan [a] DAN [b]:

DATA 3	
[i] <i>pasukan</i>	pasuɔkan
[ii] <i>gunaan</i>	gunaɔɔaɔn

- [a] Berdasarkan Data 3, berikan maksud pengglotisan dan penyisipan hentian glotis.
[5 markah]
- [b] Berdasarkan teori autosegmental dan modul representasi fonologi, huraikan proses pengglotisan dan penyisipan hentian glotis yang berlaku dalam Data 3.
[20 markah]